

25/02/2001

Kerajaan cari jalan bantu peneroka

Rosli Safar; Misiah Taib

KUCHING: Kerajaan akan mencari jalan terbaik bagi membantu peneroka daripada terus dihipit masalah kewangan berikutan kejatuhan harga minyak sawit di pasaran pada masa ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan berusaha menolong mereka, biarpun ada pihak tertentu menyalahkan kerajaan berikutan kejatuhan harga komoditi itu.

"Kita akan cuba (membantu mereka), tetapi kita harus ingat, pada satu ketika harga minyak sawit tinggi, tidak ada pihak yang datang memberitahu kita dapat begitu banyak, bolehlah kita simpan duit sikit.

"Kalau kita simpan bila masa kita senang, masa kita susah...senanglah sikit. Ini nak marah, kalau dapat duit banyak tak kata apa pun. Apabila dapat duit sikit, marah kat kerajaan..tak betullah. Itu pun kita nak tolong, walaupun dia marah kat kita," katanya membidas sikap pembangkang yang mengambil kesempatan daripada keadaan itu untuk menonjolkan kelemahan dan kepincangan dalam pentadbiran kerajaan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mencabar pembangkang agar mengemukakan cadangan bagi menyelesaikan permasalahan itu dengan segera.

"Kita mahu tahu apakah alternatif parti pembangkang hendak kemukakan yang boleh menyelesaikan masalah ini dengan cepat, sekarang ini.

"Jangan kata bila nak jadi kerajaan, tapi sekarang ini, kita nak tengok macam mana dia nak selesaikan masalah ini," katanya pada sidang media selepas menamatkan lawatan rasmi dua hari ke negeri ini, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK), di sini, semalam.

Seramai 79,800 peneroka kelapa sawit di negara ini kini menghadapi masalah kesempitan hidup, berikutan pendapatan mereka merosot disebabkan kejatuhan harga komoditi itu hingga di bawah RM100 bagi setiap tan metrik.

Pada masa yang sama, 34,200 pekebun getah juga berdepan dengan situasi yang sama, turut dibelenggu masalah perolehan yang semakin kurang kerana kejatuhan harga.

Dr Mahathir berkata, dulu kerajaan pernah menggesa mereka terbabit menternak lembu dalam kawasan ladang kelapa sawit, namun mereka menolaknya.

"Kalau ternak lembu, hari ini harga lembu, khususnya pada musim haji ini (korban) harganya meningkat sekali ganda. Saya beli..harga lembu mahal," katanya.

Mengenai kenaikan tarif air yang dikatakan akan menyebabkan kenaikan harga barangan, beliau berkata perkara itu tidak sepatutnya berlaku, kerana kenaikan sesuatu barang harus dibuat berdasarkan kenaikan kos sebenar.

Menurutnya, sekiranya perniagaan itu menggunakan air cuma dua peratus saja, sekiranya harga air naik 100 peratus sekali pun, kenaikan harga barangan cuma boleh dinaikkan dua peratus.

Dr Mahathir turut menyatakan, kerajaan akan terus melaksanakan projek pembinaan Empangan Hidro Elektrik Bakun, tetapi saiznya akan ditentukan mengikut keperluan.

Mengenai keselamatan di kawasan sempadan negara, beliau berkata ia akan diawasi sepanjang masa, bukan semata-mata kerana pergaduhan kaum yang berlaku di wilayah negara jiran sekarang ini, sebaliknya negara ini kini menjadi tumpuan penduduk negara jiran yang mahu berhijrah ke Malaysia.

(END)